Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
bhvarsiti@bharian.com.my

# UMP galak pelajar berbahasa Mandarin

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) muncul sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia mewujudkan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC) sekali gus dapat meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin di kalangan pelajarnya.

Selain itu, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Saifuddin Abdullah, berkata penubuhan pusat bahasa itu juga menjadi platform terbaik pihak universiti dalam memperkasa agenda pengantarabangsaan dengan Universiti Hebei, China.

Beliau berkata, MLCC sedia membantu pelajar berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dan menempatkan pelajar mengikuti latihan industri di China.

"KPT sememangnya menggalakkan kerjasama antara universiti tempatan dan antarabangsa dalam pelbagai prospek pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan penubuhan MLCC bertepatan dengan agenda pengantarabangsaannya.

"Walaupun kerajaan belum mengeluarkan dasar mengenai penggunaan bahasa ketiga di universiti, UMP tetap mengambil inisiatif ini bagi menggalakkan pelajar menguasainya dan secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi mutu dan proses P&P dikalangan pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan MLCC di UMP Kampus Gambang, dekat sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, Presiden Universiti Hebei, Wang Hong Rui dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Dr Badrulhisham Abdul Aziz.

Saifuddin turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UMP dengan Universiti Hebei bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin, mempromosi kebudayaan dan pembelajaran bahasa itu di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, kerjasama dengan Universiti Hebei dapat memberi manfaat dalam melahirkan graduan yang berdaya saing (kompeten) dan memenuhi kehendak industri.

"Penubuhan MLCC ini juga inovasi UMP dalam merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur melalui jaringan kerjasama dengan universiti di China ini," katanya.

"Hubungan ini juga mampu mencapai kejayaan polisi globalisasi UMP yang berhasrat mencipta persekitaran antarabangsanya di dalam kampus dengan pengambilan pelajar antarabangsa dari China, Kemboja, Pakistan, Yemen dan sebagainya," katanya.

Penubuhan MLCC adalah kedua di Malaysia selepas Universiti Malaya (UM) hasil kerjasama universiti itu dengan Beijing Foreign Studies University (BFSU).



SAIFUDDIN (tengah) memukul gong melancarkan MLCC di UMP, Gambang sambil diperhatikan Daing Nasir (kanan) dan Wang Hong Rui.



SAIFUDDIN (tengah) menyaksikan penyerahan dokumen antara Daing Nasir (kiri) dengan Wang Hong Rui pada Pelancaran Pusat Bahasa Mandarin Dan Kebudayaan (MLCC) di UMP, Gambang baru-baru ini.

> *KPT sememangnya menggalakkan kerjasama antara universiti tempatan dengan antarabangsa dalam pelbagai prospek pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan penubuhan MLCC bertepatan dengan agenda pengantarabangsaannya"*
>
> **Saifuddin Abdullah**
> *Timbalan Menteri Pengajian Tinggi*